

20 SEP 1998

Pemuda-Kamaruddin

KETUA UMNO BAHAGIAN TUMPAT DIGESA JELASKAN PENDIRIAN

TUMPAT, 20 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno bahagian Tumpat hari ini menggesa Ketua Umno bahagian itu, Datuk Kamaruddin Jaafar menyatakan pendiriannya secara jelas berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatannya dalam kabinet dan juga daripada Umno.

Ketua pergerakan itu, Wan Hanafi Wan Yaakob berkata Kamaruddin masih belum menyatakan pendiriannya secara rasmi kepada Umno bahagian itu sejak Anwar dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas dan daripada Umno sehari kemudian.

"Sekiranya beliau masih membisu dan tidak menyatakan pendiriannya dengan jelas, pemuda tidak mungkin akan menaruh kepercayaan kepadanya lagi," katanya kepada pemberita selepas membacakan resolusi Pergerakan Pemuda Umno bahagian Tumpat dalam isu pemecatan Anwar, di sini, hari ini.

Wan Hanafi berkata, pergerakan itu telah mendapat maklumat bahawa Kamaruddin turut terlibat dalam gerakan reformasi yang sedang dilancarkan oleh Anwar.

Resolusi lima perkara itu antaranya menggesa Majlis Tertinggi Umno (MT) bertindak tegas terhadap anggota-anggotanya tanpa mengira kedudukan, yang melakukan apa juga tindakan yang boleh ditafsirkan sebagai mengingkari keputusan pemecatan Anwar.

Pergerakan itu juga akan menentang secara habis-habisan terhadap setiap tindakan dalam apa jua bentuk yang boleh menjejaskan parti atau pemimpin parti.

Pergerakan itu juga menggesa Umno bahagian itu mengambil langkah-langkah perlu bagi menjelaskan isu pemecatan Anwar kepada semua anggota Umno di bahagian berkenaan bagi mengelakkan terjejasnya keutuhan parti.

Pergerakan itu juga menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, dalam apa jua tindakan bagi menangani isu pemecatan Anwar.

Wan Hanafi berkata, resolusi yang diputuskan sebulat suara oleh anggota jawatankuasa pemuda bahagian itu akan diserahkan kepada Kamaruddin secepat mungkin.

-- BERNAMA

BD PR